



DAULAT TUANKU

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA TUANKU



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.L.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-70
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2015 Bersamaan 29 Safar 1437

Sembah Takzim Daripada



**Dato' Menteri Besar
dan Kakitangan Kerajaan serta Seluruh Rakyat Negeri Selangor**

SEMBAH TAHNIAH
DAN UCAP SELAMAT
SEMPENA ULANG TAHUN
HARI KEPUTERAAN KE 70
DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN SELANGOR
PADA 11 DISEMBER 2015

Daulat Tuanku



**SEMBAH TAHNIAH
DAN UCAP SELAMAT**

**SEMPENA ULANG TAHUN
HARI KEPUTERAAN KE-70
DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN SELANGOR**

**PADA 11 DISEMBER 2015
BERSAMAAN
29 SAFAR 1437 HIJRAH**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA





OLEH: PROFESOR ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI,
Felo Penyelidikan Kanan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan
Sains Sosial, Universiti Malaya

SUNTINGAN: LT KDR ROSDI MOHAMAD (B)

Galur Kesultanan Selangor

**SULTAN SALEHUDDIN SHAH,
1745 – 1778**
Sultan Selangor yang pertama

Raja Lumu, putera Daeng Chelak atau Daeng Pali, Yamtuan Muda Johor kedua ialah pengasas kesultanan Selangor hari ini. Raja Lumu, sebelum memakai gelaran Sultan dikenali dengan panggilan Raja Selangor. Beliau datang ke Selangor sekitar tahun 1730-an dan mentadbir Selangor selepas Raja Siti, saudara Daeng Pasarai mangkat.

Pada tahun 1742, Raja Lumu bersama ayahandanya, Daeng Chelak datang ke Perak membantu Raja Muda Bisnu merampas takhta kerajaan daripada Sultan Muzaffar Shah. Daeng Chelak gagal menggulingkan Sultan Muzaffar Shah tetapi berjaya meletakkan Raja Muda Bisnu sebagai Sultan Perak bergelar Sultan Muhammad Shah. Sebagai balasan

terhadap bantuan, Sultan Muhammad Shah mengiktiraf Raja Lumu sebagai Pemerintah Selangor, pada tahun 1743.

Apabila Daeng Chelak meninggal dunia pada 19 Mei 1745, Raja Lumu meneruskan pentadbiran di Selangor. Kemudiannya, pada tahun 1766 Raja Lumu mendapat pengiktirafan daripada Sultan Mahmud atau Raja Kimas Perak dan memakai gelaran Sultan Sallehuddin. Pusat pentadbiran Selangor pada masa itu di Kuala Selangor.

Ketika pemerintahan Sultan Sallehuddin, Kuala Selangor menjadi tumpuan saudagar terutama dalam urusan niaga bijih timah. Sultan Sallehuddin mangkat pada tahun 1778.

**SULTAN IBRAHIM,
1778 – 1826**
Sultan Selangor yang ke-2

Sultan Ibrahim ialah putera Sultan Sallehuddin Shah dilantik oleh Raja Haji, Yamtuan Muda Johor menduduki takhta kerajaan Selangor menggantikan ayahanda baginda.

Baginda meneruskan kegiatan perdagangan di Kuala Selangor. Ketika pemerintahan baginda, berlaku ketegangan hubungan dengan Belanda. Hubungan genting ini dikeruhkan lagi dengan kemunculan kapal dagang British di Kuala Selangor yang membawa kain dan candu. Antaranya kapal Junk Selang yang dinakhodai James Scott dan The Bloome yang diketuai Francis Light.

Pada masa sama, turut meletus perang di antara Johor dengan Belanda pada tahun 1782 di Riau. Sultan Ibrahim terlibat dalam gerakan menentang angkatan Belanda di Melaka. Sementara Johor mempertahankan serangan Belanda di Riau.

Sultan Ibrahim yang berlindung di Pahang melancarkan serangan ke atas pasukan orang Belanda yang berkubu di Kuala Selangor pada Jun 1785 dan berjaya menghalau angkatan Belanda pulang ke Melaka serta kembali menduduki Kuala Selangor. Sultan Ibrahim mangkat di Kuala Selangor pada 27 Oktober 1826.

**SULTAN MUHAMMAD,
1826 – 1857**
Sultan Selangor yang ke-3

Putera Sultan Ibrahim, Raja Muda Muhammad menaiki takhta kerajaan Selangor bergelar Sultan Muhammad menggantikan ayahandanya yang mangkat pada 27 Oktober 1826.

Ketika pemerintahan Sultan Muhammad, Raja Busu seorang anak raja Selangor berjaya mengusahakan lombong bijih timah di Lukut. Beliau kemudiannya dilantik sebagai pembesar Lukut. Pelombong terdiri daripada orang Cina yang dibawa sebagai buruh. Kemudiannya berlaku pergaduhan di antara buruh Cina dengan orang Melayu di Lukut. Dalam pergaduhan ini ramai yang terbunuh termasuk Raja Busu dan keluarganya.

Lukut terus berkembang sebagai kawasan pengeluaran bijih timah yang kaya. Pada tahun 1846, Sultan Muhammad melantik menantu baginda, Raja Jumaat, keturunan Riau sebagai wakil mentadbir Lukut.

Pada tahun 1844, Sultan Muhammad mengahwinkan puteri baginda, Raja Atfah dengan Raja Abdul Samad bin Raja Abdullah Ibn Sultan Sallehuddin Shah. Raja Abdul Samad dianugerahkan oleh Sultan Muhammad sebagai Raja Panglima Besar dan berkuasa di Kuala Selangor.

Tahun yang sama juga Sultan Muhammad menyerahkan Klang kepada Raja Abdullah, saudara Raja Jumaat. Sebelum Raja Abdullah, Klang ditadbir putera baginda, Raja Sulaiman.

Tindakan baginda menyerahkan pentadbiran Klang kepada Raja Abdullah ini menimbulkan rasa tidak puas hati cucunda baginda, Raja Mahdi, putera Raja Sulaiman. Perselisihan ini kemudiannya mencetuskan perang di antara Raja Mahdi dengan Raja Abdullah dan berlarutan dengan Raja Ismail, anak Raja Abdullah. Baginda Sultan Muhammad mangkat pada tahun 1857.

**SULTAN ABDUL SAMAD,
1857 – 1898**
Sultan Selangor yang ke-4

Raja Abdul Samad adalah menantu Sultan Muhammad, melalui perkahwinan baginda dengan Raja Tipah. Pemerintahan Sultan Abdul Samad menjadikan perusahaan bijih timah berkembang pesat yang menarik minat penghijrahan orang Cina ke Selangor.

Ketika pemerintahan Sultan Abdul Samad berlaku perang di antara Raja Mahdi dengan Raja Abdullah yang dikenali dengan Perang Klang. Walaupun Raja Mahdi pernah berjaya menduduki Klang, akhirnya dikalahkan oleh Raja Ismail, anak Raja Abdullah yang mendapat ban-

tuhan Tunku Kudin.

Kerajaan British telah campur tangan dalam pentadbiran kerajaan di Selangor ketika pemerintahan Sultan Abdul Samad. Residen British pertama telah dilantik pada tahun 1874 ialah J.G. Davidson. Kemudiannya pada tahun 1896, Selangor bergabung dengan Perak, Negeri Sembilan dan Pahang mewujudkan Persekutuan. Gabungan ini dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Sultan Abdul Samad mangkat di Istana Jugra pada 6 Februari 1898, ketika berusia 93 tahun dan dimakamkan di Kuala Jugra.





SULTAN SIR ALA'IDDIN SULEIMAN SHAH, 1898 – 1938

Sultan Selangor yang ke-5

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Ala'iddin Suleiman Shah ialah putera Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Musa Ibni Almarhum DYMM Sultan Abdul Samad yang diisytiharkan sebagai Sultan Selangor, pada 17 Februari 1898.

Ketika pemerintahan baginda, Selangor bertambah maju dari hasil bumi seperti bijih timah dan arang batu. Baginda juga menukar bendera Selangor dan bendera tubuh sultan. Dalam kerancangan pertumbuhan ekonomi ini, baginda menandatangani surat perjanjian pembinaan Istana Mahkota Klang, pada 8 Julai 1899.

Sultan Ala'iddin Suleiman Shah melantik Raja Laut Ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah sebagai Raja Muda Selangor melalui Warta Kerajaan, pada November 1899. Empat tahun selepas itu, pada 6 November 1903, jam 4.00 petang baginda menganugerahkan gelaran Tengku Putera Mahkota Selangor kepada anakanda baginda, Tengku Musa Eddin. Manakala pada 7 November 1903 pula baginda menggelarkan isteri baginda Tengku Mahrum dengan gelaran Tuanku Ampuan Paduka Suri Selangor.

Pada bulan Mei 1904 isteri baginda, Tuanku Ampuan Mahrum mangkat di Klang dan dimakamkan di perkuburan Bukit Jugra.

Penganugerahan gelaran Raja Muda Selangor oleh Sultan Ala'iddin Suleiman Shah kepada putera sulungnya, Tengku Musa Eddin, dibuat pada tahun 1919.



Seterusnya, pada tahun 1928 Sultan Ala'iddin Suleiman Shah menerima bintang Knight Grand Cross atau Dame Grand Cross (GCMG) daripada kerajaan British yang membawa gelaran Sir.

Pada 6 Julai 1936, jam 12.30 tengah hari Sultan Ala'iddin Suleiman yang dihadiri oleh Orang-orang Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) perkenan menganugerahkan kepada Tengku Laksamana Tengku Alam Shah gelaran dan kehormatan Raja Muda. Manakala, Tengku Panglima Besar Tengku Badar

Shah dianugerahkan gelaran dan kehormatan Raja Bendahara (Tengku Bendahara). Majlis pelantikan ini perlu dilaksanakan mengikut adat istiadat Selangor. Majlis pelantikan dibuat pada 20 Julai 1936, dengan penuh istiadat yang memperlihatkan Tengku Laksamana Tengku Alam Shah dilantik sebagai Raja Muda Selangor, manakala Tengku Panglima Besar Tengku Badar Shah adalah Raja Bendahara (Tengku Bendahara) dan Tengku Musa Eddin diberi anugerah gelaran Tengku Kelana.

Pada 31 Mac 1938, jam 5.20 petang Sultan Sir Ala'iddin Suleiman Shah mangkat di Istana Negara, Klang. Kemangkatan baginda diisytiharkan dengan 17 das tembakan meriam di Klang dan Kuala Lumpur. Jenazah baginda dimakamkan di Klang dan dikenali sebagai Marhum Atiqullah.

SULTAN SIR HISHAMUDDIN ALAM SHAH AL-HAJ, 1938 – 1942; 1945 – 1960

Sultan Selangor yang ke-6

Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj diisytiharkan sebagai Sultan Selangor menggantikan ayahanda baginda yang mangkat pada tahun 1938. Di hari upacara pemakaman jenazah Sultan Ala'iddin Suleiman Shah, pada 4 April 1938 Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang mendapat kebenaran daripada Raja George VI Great Britain, Ireland mengisytiharkan Raja Muda Alam Shah sebagai Sultan Selangor dengan gelaran Sultan Hishamuddin Alam Shah. Selepas pengisytiharan dibuat, jenazah Almarhum Sultan Ala'iddin Suleiman Shah dimakamkan.

Baginda ditabalkan sebagai Sultan Selangor pada 26 Januari 1939. Ketika pemerintahan baginda, Jepun melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu pada penghujung tahun 1941. Selepas Jepun berjaya menduduki Tanah Melayu melalui penyerahan tentera British pada 15 Februari 1942, kerajaan Tentera Jepun tidak mengiktiraf Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Al-haj sebagai Sultan Selangor dan melantik kakanda baginda Tengku Musa Eddin sebagai Sultan Selangor dengan gelaran Sultan Musa Ghiathuddin Shah. Namun begitu, apabila British kembali berkuasa di Tanah Melayu pada tahun 1945, ia dilucutkan dan melantik semula Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Al-haj sebagai Sultan Selangor.

Ketika pemerintah Sultan Sir

Hishamuddin Alam Shah Al-haj, kerajaan British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946. Semua Raja Melayu termasuk Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Al-haj menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Malayan Union yang dibawa wakil kerajaan British, Sir Harold Mac Michael. Perjanjian ini menyerahkan semua kedaulatan kepada Raja England. Dengan itu, pada 1 April 1946 kerajaan Malayan Union ditubuhkan di Tanah Melayu.

Malayan Union mendapat tentangan daripada orang Melayu. Raja Melayu juga tidak hadir dalam pengisytiharan Malayan Union. Akibat bantahan dan tentangan ini akhirnya Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948. Sejurus itu, pada tahun 1950, Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj mengisytiharkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Yang Kedua yang menyentuh waris takhta negeri.

Perjuangan menuntut kemerdekaan diteruskan dan akhirnya Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Al-haj yang bertakhta di atas kerajaan Selangor dilantik sebagai DYMM Yang Dipertuan Agong (YDA) ke-2 pada tahun 1960. Selepas empat bulan menyandang jawatan YDA, baginda mangkat di Istana Tetamu, Kuala Lumpur pada 1 September 1960.



SULTAN MUSA GHIATHUDDIN SHAH AL-HAJ, 1942 – 1945

Sultan Selangor yang ke-7

Tengku Musa Eddin yang bergelar Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah adalah sultan bagi Selangor pada tahun 1942 hingga 1945, ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Tengku Musa Eddin adalah putera sulung Sultan Ala'iddin Suleiman Shah, dilahirkan dalam bulan Disember 1893.

Baginda mendapat pendidikan di Victoria Institution, Kuala Lumpur dan

Kolej Melayu Kuala Kangsar. Pada tahun 1913 hingga 1916 Tengku Musa Eddin berkhidmat sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis (Melayu) Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Tengku Musa Eddin menjadi Juruiring (Aide De Coupe-ADC) kepada beberapa orang Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dari tahun 1920 hingga 1934.

Pada tahun 1920 beliau menjadi

Ahli MMN Selangor dan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi menjadi Ahli Majlis Persekutuan pada tahun 1927 untuk menyusun semula Majlis Persekutuan.

Pada tahun 1933 Tengku Musa Eddin meletak jawatan dari Majlis Persekutuan. Tengku Musa Eddin adalah anak Melayu yang awal menyertai pasukan sukarela dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada tahun

1916.

Baginda juga adalah Ahli Lembaga Gabenor Kolej Melayu Kuala Kangsar, Timbalan Presiden Lembaga Pengurusan Petempatan Pertanian Melayu, Kuala Lumpur dan Ahli Jawatankuasa Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura.

Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah bersemayam di Istana Mahkota Klang dan banyak membantu

**SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
1960 –2001**

Sultan Selangor yang ke-8

DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj adalah putera DYMM Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj dengan DYMM Tengku Ampuan Raja Hajah Jemaah binti Raja Ahmad. Baginda dilahirkan pada jam 3.30 petang, Isnin 8 Mac 1926 di Istana Bandar Temasha.

Ketika ayahanda baginda bersemayam di Bandar Temasya, Yang Amat Mulia (YAM) Tengku Abdul Aziz Shah mendapat didikan agama daripada seorang guru yang datang ke Istana Bandar Temasya. Seterusnya, baginda belajar di Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Klang.

Ketika belajar di sekolah ini, YAM Tengku Abdul Aziz Shah berkesempatan bergaul mesra dengan kanak-kanak orang biasa, khususnya dalam kelas yang sama dengan baginda. Selepas dua tahun belajar di Sekolah Melayu Pengkalan Batu, pada tahun 1934, baginda meneruskan pengajian ke Kolej Melayu Kuala Kangsar dan terpaksa pulang ke Klang pada tahun 1941 kerana meletusnya perang Pasifik.

Pada 1 Ogos 1946, YAM Tengku Abdul Aziz Shah dianugerahkan gelaran kebesaran Selangor, YAM Tengku Laksamana Selangor. Seterusnya pada 13 Mei 1950, YAM Tengku Laksamana Abdul Aziz Shah dianugerahkan gelaran DYTMM Raja Muda Selangor. Selepas menimba ilmu dalam pentadbiran di pelbagai jabatan kerajaan, DYTMM Tengku

Laksamana Abdul Aziz Shah menceburi bidang ketenteraan pada tahun 1952.

DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ditabalkan di atas takhta kerajaan Selangor dan DYMM Tengku Hajah Rahimah sebagai DYMM Tengku Ampuan Selangor pada hari Rabu, 28 Jun 1961. Upacara pertabalan dan pemahkotaan ini berlangsung di Istana Alam Shah, Klang.

Ketika bertakhta DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj mengambil berat terhadap agama, kemajuan negeri, kebudayaan, kebajikan rakyat dan pendidikan. Pada tahun 1999, DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ditabalkan sebagai DYMM Sri Paduka Baginda (SPB) YDA Malaysia Ke-11.

Baginda mangkat pada 21 November tahun 2001 ketika memegang jawatan YDA dan jenazah Almarhum disemadikan di makam Diraja Klang.



kaum kerabat yang menghadapi masalah di masa pendudukan Jepun. Apabila Jepun menyerah kalah, pihak British menurunkan Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah dan meletakkan kembali Sultan Hishamuddin Alam Shah. Tengku Kelana Jaya Putera Tengku Musa Edin mangkat pada 8 November 1955 di Kuala Lumpur. Jenazah baginda dimakamkan di Makam Diraja Klang.

**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH, 2002
HINGGA KINI**

Sultan Selangor yang ke-9

DYTMM Raja Muda Tengku Idris Shah dengan rasminya dimasyhurkan sebagai Sultan Selangor dengan gelaran DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah oleh Menteri Besar Selangor dengan persetujuan Dewan Diraja pada jam 3.00 petang, 22 November 2001.

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah diputerakan pada 24 Disember 1945 di Istana Jemaah, Klang. Baginda adalah putera sulung DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan isteri baginda, Yang Mulia (YM) Raja Nor Saidatul Hisham bin Tengku Badar Shah. Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur, sebelum meneruskan pendidikan di Sekolah St. John Institution, pada tahun 1954 hingga 1959.

Pada bulan September, 1960 DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah dilantik dan diwartakan sebagai DYTMM Raja Muda Selangor ketika berusia 15 tahun. Pada tahun yang sama juga, baginda berangkat ke Perth, Australia untuk meneruskan pengajian sehingga tahun 1964. Kemudiannya, baginda meneruskan lagi pengajian ke England sehingga tahun 1968. Selepas pulang ke tanah air, baginda seterusnya berkhidmat di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat Daerah Kuala Lumpur dan Jabatan Polis di Kuala Lumpur.

Pada 23 Februari hingga 20 September 1969, ketika DYMM Sultan Selangor berangkat ke England, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah adalah Pengerusi Jumaah Pangkuan Diraja. Seterusnya, pada tahun 1970 dilangsungkan istiadat pelantikan sebagai DYTMM Raja Muda. Pada tahun 1973, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah dianugerahkan Darjah Kebesaran (D. K.) Selangor. Manakala, pada tahun 1974 ditauliahkan Mejar Kehormat Pasukan Angkatan Tentera. Seterusnya, pada tahun 1975 baginda dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) dan D.K. Terengganu pada tahun 1984.

Pada 24 April 1999, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah dilantik sebagai Pemangku Raja Selangor, ketika ayahanda baginda Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dilantik sebagai YDA ke-11. Ketika memangku takhta kerajaan Selangor, DYMM Sultan Sharafuddin

Idris Shah senantiasa turun padang menjengah keadaan rakyat di desa dan daerah.

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah memiliki hobi yang unik dan istimewa, misalnya membaca, fotografi, belajar, mengumpul sampul surat dan setem. Baginda juga mendapat pengaktifan akademik, dilantik sebagai Fellow of the Chartered Institute of Transport, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pentadbiran Awam oleh UiTM pada 31 Mac 2001, dan sebagai Pro Canselor UiTM, pada 31 Mei 2000.

Dalam pada itu, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah juga terlibat dalam sukan lasak dan menjadi orang pertama menamatkan cabaran motor Peking-Paris (The First To Complete Peking-Paris Motor Challenge) pada tahun 1998. Baginda pernah belayar mengelilingi dunia dengan kapal S.Y. JUGRA sehingga nama baginda tercatat dalam The Malaysian Book of Records sebagai orang pertama belayar mengelilingi dunia (The First To Sail Around The World).

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah dianugerahkan dua orang puteri, hasil perkahwinan baginda dengan Raja Zarina binti Raja Tan Sri Zainal; Tengku Zerafina dan Tengku Zarashah. Manakala perkahwinan baginda dengan Puan Nur Lisa binti Abdullah, dianugerahkan seorang putera, Tengku Amir, bergelar Raja Muda Selangor.





Daulat Tuanku



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K. (D.M.N.), D.K. (TERENGGANU), D.K. (KELANTAN), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K. (NEGERI SEMBILAN),
D.K. (KEDAH), D.K. (JOHOR), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

*Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-70 DYMM Sultan Selangor
Semoga Allah Lanjutkan Usia Dan Merahmati Pemerintahan Tuanku*

Sembah Takzim Daripada



Dan Kumpulan Anak Syarikat



**PKNS ENGINEERING &
CONSTRUCTION BHD**



**SELANGOR INDUSTRIAL
CORPORATION**



Sselaman
Berkehidupan • Berjaya • Berwibawa



**PKNS INFRA
BERHAD**



De PALMA HOTEL



**WORLDWIDE
HOLDINGS**



SACC
SHAH ALAM CONVENTION CENTRE
SELANGOR • MALAYSIA



**AKADEMI
PKNS**



SELGATE Corporation
(Ibu : PKNS Holdings Sdn Bhd)



DATUMCORP
INTERNATIONAL



PKNS
REAL ESTATE



Gambar oleh Markas Tentera Laut

Kepten Yang Dipertua TLDM sejak 2002

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah telah dilantik sebagai Komander Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM), pada 27 Ogos 1998. Pelantikan itu berikutan kejayaan baginda belayar mengelilingi dunia dengan Kapal Layar Jugra selama 644 hari bermula dari Pelabuhan Klang pada 4 Februari 1995 dan berakhir pada 6 November 1996 sejauh 27,940 batu nautika dan berlabuh di 155 buah pelabuhan.

Baginda dilantik sebagai Kepten Yang Dipertua Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada tahun 2002 sehingga kini. Keprihatinan, kecintaan, jasa, sumbangan dan dedikasi baginda kepada arus perkembangan TLDM, seyogianya dianugerahkan Beret Kehormat dan lencana Pasukan Khas Laut (PASKAL) di Kapal DiRaja (KD) Sri Semporna, Sabah, pada 6 Oktober 2004.

Pelantikan baginda itu membawa banyak perubahan dalam pemodenan TLDM sehingga dimartabatkan dengan penga-

nugerahan pangkat tertinggi daripada Kerajaan Perancis iaitu *Commandeur De La Legion D'Honneur* (Commander of the French National Order of the Legion of Honour) oleh Ketua Angkatan Pertahanan Perancis, Laksamana Edouard Guillaud di Kedutaan Perancis, Kuala Lumpur, pada 20 Februari 2012.

Sebagai Kepten Yang Dipertua TLDM, baginda sentiasa mengambil berat akan perkembangan dan keadaan semasa yang berlaku di dalam perkhidmatan TLDM. Contohnya, baginda sentiasa dimaklumkan keadaan semasa pelayaran KLD Tunas Samudera mengelilingi dunia pada tahun 2007 dan maklumat berkenaan operasi menentang lanun di Teluk Aden, Somalia.

Semangat dan minat mendalam terhadap dunia maritim, baginda turut memiliki sebuah bilik khas 'Navy Room' untuk mempamerkan Crest, Cap Ribbons unit-unit, gambar panji-panji dan cenderamata yang dipersembahkan semasa baginda berangkat ke pangkalan atau kapal-kapal.





Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA TUANKU



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

Sembah Tahniah Dan Ucapan Selamat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-70
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2015 Bersamaan 29 Safar 1437 Hijrah

SEMBAH TAKZIM DARIPADA



YANG DIPERTUA, PEMANGKU SETIAUSAHA, AHLI-AHLI MAJLIS
DAN SELURUH WARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Gambar oleh jurufoto Selangor Kini Asri Sapfie, Remy Ariffin, Shuaib Ayob



Pemeriksaan perbarisan ketika pembukaan Sidang DUN pada 30 Mac 2015



Menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak yatim di Masjid Bukit Jelutong pada 6 Julai 2015



Mencemar duli ke Zoo Negara untuk melihat panda pada 3 September 2015



Merasmikan Kilang Baru Nestle di Seksyen 15 pada 26 Oktober 2015



Beramah mesra bersama peserta Larian Menjunjung Kasih di Klang pada 5 Disember 2015



Perasmian Bangunan Top Glove di Setia Alam pada 1 Oktober 2015



Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA TUANKU



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

Sembah Tahniah Dan Ucapan Selamat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-70
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2015 Bersamaan 29 Safar 1437 Hijrah

SEMBAH TAKZIM DARIPADA



PENGERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH DAH SELURUH KAKITANGAN  **CENTRAL SPECTRUM (M) SDN BHD**
(183136-D)



Lahir bakat terbilang

Yayasan Raja Muda Selangor

OLEH NORHAYATI UMOR

SIAPA sangka belia kurang bernasib baik dalam akademik akhirnya berjaya mencapai impian dan kerjaya idaman.

Penubuhan Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) merealisasikan hasrat mereka yang ingin memajukan diri dalam pelbagai bidang melalui ilmu kemahiran.

Ditubuhkan ketika DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah masih lagi DYTM Raja Muda Selangor, YRMS berhasrat melakukan sesuatu yang berbeza untuk remaja.

Walaupun kurang cemerlang dalam akademik, YRMS yakin potensi dan bakat terpendam remaja boleh dicungkil serta dikembangkan.

Antara kursus ditawarkan adalah jahitan, penyelenggaraan penyaman udara, penyelenggaraan automotif, seni kulinari, seni kecantikan, seni dandanan rambut, pendawaian elektrik dan lain-lain.

Buktinya, Megat Danial Aizat Megat Ariffin, 29, yang gagal dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mampu mengubah nasibnya apabila terpilih mengikuti program 'Talent For The World' YRMS dalam bidang kulinari.

"Saya mencuba nasib mendapatkan tajaan YRMS untuk meneruskan cita-cita. Keputusan SPM tidak memuaskan, jadi saya mula bekerja sebagai pelayan dan pembantu dapur di beberapa restoran," katanya yang berasal dari Pulau Pinang.

Minat mendalam terhadap bidang masakan membolehkan anak ketiga daripada empat adik beradik itu mendapat tajaan pada 2009 sewaktu mengikuti kursus kemahiran kulinari di Kolej Taylor's.

Prestasi cemerlangnya melayakkan beliau menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma Seni Kulinari di kolej sama dengan tajaan YRMS.

"Saya sangat berterima kasih kepada tuanku kerana yayasan ini menjadikan saya orang berilmu dan mengubah kehidupan kami sekeluarga.

"Kini, saya sedang mengikuti pengajian di peringkat ijazah dan akan bergraduasi tahun depan," katanya.

Kejayaan Danial membuktikan YRMS mengambil berat hal ehwal



pelajar di bawah tajaannya dan memberi galakan supaya mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi walaupun berhadapan laluan sukar.

Seorang lagi anak muda yang pernah dibantu adalah Ainil Johani Abu Bakar yang kini dikenali sebagai pemain golf profesional dengan pelbagai kejayaan.

Beliau kini berada di Morocco bagi mengikuti kejohanan 'Ladies European Tour' dan 'Ladies Asean Golf Tour'.

Ibunya, Jamilah Yusof, 54, berkata anaknya itu pernah menjadi juara dalam Sukan Malaysia (SUKMA) di Seremban, beberapa tahun lalu.

"Ketika itu, YRMS mencari 'Talent For The World' dan alhamdulillah Ainil dapat penajaan daripada yayasan ini.

"Tahun depan, Ainil berhasrat memasuki 'Ladies Profesional Tour' di Amerika dan kami sekeluarga akan memberi sokongan 100 peratus," katanya.

Jamilah berkata, beliau sekeluarga berterima kasih kepada Sultan Sharafuddin dan YRMS kerana memberikan anaknya kesempatan untuk lebih maju dalam sukan itu.

"Mudah-mudahan segala usaha dilakukan Ainil berjaya dan segala penat lelahnya diberikan keberkatan.

"Sebagai ibu, saya bangga melihat Ainil berjaya menaikkan nama negeri, negara dan bangsa ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Sejak ditubuhkan, YRMS menyediakan latihan berasaskan ke-

mahiran kepada 1,300 belia dari seluruh negara tanpa mengira jantina, bangsa atau agama.

Boleh dikatakan semua anak muda di bawah tajaan YRMS mendapat pekerjaan dan memulakan perniagaan sendiri dengan jayanya.

Selain Danial Aizat dan Ainil, YRMS turut melahirkan pelukis, Wong Eng Leong; Goh Chiu Kuan (potter); Azhar Asrar (Sculptor); Hamizatulakma (fesyen) dan penyanyi 'rapper', Muhammad Syazwan Shawaluddin.

APA KATA MEREKA



Saya sangat berterima kasih kepada tuanku kerana yayasan ini menjadikan saya orang berilmu dan mengubah kehidupan kami sekeluarga. Kini, saya sedang mengikuti pengajian di peringkat ijazah dan akan bergraduasi tahun depan

Megat Danial
Peserta
Program 'Talent
For The World'





Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA TUANKU

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN
SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

**D.K., D.M.N., D.K.(TERENGGANU), D.K.(KELANTAN), D.K.(PERAK), D.K.(PERLIS),
D.K.(NEGERI SEMBILAN), D.K.(KEDAH), D.K. (JOHOR), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.**

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

SEMBAH TAHNIAH DAN UCAP SELAMAT

**SEMPENA ULANG TAHUN
HARI KEPUTERAAN KE-70
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR**

**PADA 11 DISEMBER 2015
BERSAMAAN
29 SAFAR 1437**

Sembah Takzim Daripada

**Yang Dipertua, Ahli - Ahli Majlis
dan Seluruh Warga Kerja**



**MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA**





Siri Banggali Roti karya pertama jadi pilihan Sultan Sharafuddin

Budaya Melayu inspirasi Haron Mokhtar

OLEH AFEEQA AFEERA

KECINTAAN pelukis serba boleh Haron Mokhtar terhadap warisan tinggalan sejarah menggamit sanubari masyarakat mengimbau nostalgia terdahulu yang hidup di bawah penjajahan.

Calitan cat akrilik di atas kanvas menjadi saksi visual dan imaginasi beliau kepada warisan negara seperti seni bina, rumah tradisi Melayu dan kehidupan sosial masyarakat lampau.

Mula bergiat aktif pada 1983, bekas penuntut Institut Teknologi Mara (ITM) itu menjadikan pelukis ternama, Abdul Latiff Mohidin dan Datuk Syed Ahmad Jamal sebagai inspirasi.

Haron berkata, minat pada seni lukis muncul ketika di bangku sekolah dengan menjadikan tanah sebagai ganti kepada kertas untuk menzahirkan idea.

Cenderung melukis rumah pelbagai bentuk, beliau berkata ia disebabkan kehidupan daifnya ketika kecil yang sentiasa mengimpikan untuk mendiami kediaman mewah dan cantik.

"Saya akan simpan duit belanja sekolah untuk membeli pensel dan dakwat cina semata-mata bagi memenuhi minat kepada dunia lukisan.

"Perasaan ketika melukis itu kononnya masuk rumah yang cantik sedangkan hakikatnya tidur tanpa tilam, jadi memori atau imaginasi saya untuk kecantikan diluahkan dalam karya.

"Saya sentiasa bayangkan rumah itu milik saya," katanya berseloroh.

Menariknya, perlambangan budaya Melayu dalam seni lukisan halus beliau menggamit perhatian DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sekitar tahun 1995.

Kali pertama baginda yang ketika itu masih menjadi Raja Muda Selangor melihat lukisan Haron adalah di Galeri Shah Alam ketika pameran Siri Kasih Sayang dan berusaha menjejaki beliau sejak daripada itu.

Katanya, baginda tertarik dengan ciri keperibadian Melayu dalam lukisan itu termasuk penggunaan warna bersesuaian kerana memberi ketenangan kepada sesiapa yang melihat.

"Lukisan pertama yang dimiliki tuanku adalah Siri Banggali Roti yang memberi gambaran sebuah rumah lama dengan seorang budak duduk di tangga dan di bahagian bawahnya ada banggali menjual roti.

"Di palang basikal penjual roti itu ada disangkutkan telur kerana dulu kita berniaga berdasarkan sistem barter, jadi tuanku maklumkan ba-

ginda terbayang kehidupannya ketika kecil.

"Baginda pernah merasai keperitan hidup suatu ketika dahulu dan lukisan itu mengingatkannya kepada sesuatu yang sudah berlaku," kata bapa kepada empat orang anak itu.

Haron berkata, kebanyakan lukisan yang dimiliki Sultan Sharafuddin akan dipamerkan di beberapa lokasi termasuk pusat peranginan untuk tatapan umum.

Beliau berkata, setakat ini lebih 80 koleksi lukisan miliknya berada di dalam simpanan baginda dan terbesar yang pernah dihasilkan adalah 22 karya Siri Menghadap Tuanku Sultan Selangor.

"Tuanku akan minta lukisan tetapi tugas saya adalah menghasilkannya melebihi jumlah diminta supaya baginda memilih mengikut tema yang dimahukan.

"Pernah sekali tuanku minta saya buat 22 karya dan satu pun tidak ditolak. Karya itu dipinjamkan ke Hotel Casa Del Rio, Melaka serta Perpustakaan Raja Tun Uda," katanya.

Menyentuh keperibadian Sultan Selangor, Haron berkata, baginda memiliki sifat rendah diri dan tidak lokek berkongsi lukisan miliknya kepada rakyat.

Tidak seperti individu lain, beliau berkata tuanku lebih gembira jika rakyat jelata turut sama meli-

hat karya yang dimilikinya.

"Tuanku sangat minat pada budaya kerana baginda merasakan ia akan meletakkan kita sebagai rakyat Malaysia. Budaya itu termasuk politik, sosial dan ekonomi," katanya.

Selain Sultan Selangor, karya Haron juga mendapat perhatian pemimpin lain seperti Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Almarhum Datin Seri Endon Mahmood.

Selain itu, katanya, karya yang dihasilkan banyak dipaparkan di beberapa buah bank antaranya Bank Simpanan Nasional (BN) cawangan Ampang dan Bank Negara.

Haron yang kini berkhidmat sebagai guru seni visual tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam masih meneruskan minatnya dalam dunia lukisan.

Kesungguhannya dalam berkarya melayakkan beliau menerima Aungerah Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor Yang Amat Mulia (SMS) pada 2014.

Mengakhiri bicara, Haron berkata, kertas dan cat akan terus menjadi teman karibnya dan bertekad untuk terus berkarya selagi diberi kesempatan.

Katanya, budaya dan ciri Melayu yang hidup di lukisannya akan terus menjadi simbolik serta dikenang sepanjang hayat andai beliau tiada lagi di dunia ini.





Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA TUANKU



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-70
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2015 Bersamaan 29 Safar 1437 Hijrah

SEMBAH TAKZIM DARIPADA



DATUK BANDAR, TIMBALAN DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS
DAN SELURUH WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM